




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 13 – 15 JULAI 2021

BIL. 24 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 15 Julai 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 765,800** atau 86.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **108,369 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu direkodkan sebanyak 13,215 yang merupakan kes harian tertinggi setakat ini** dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **880,782 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **13,202 kes** daripada catatan harian dengan **82.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 13 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.9 peratus**, Zon Selatan (17.9 peratus), Wilayah Malaysia Timur (17.4 peratus), Zon Utara (11.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.6 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **6,120 kes** disusuli Negeri Sembilan (1,603 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,499 kes), Kedah (695 kes), Johor (599 kes) dan Pulau Pinang (509 kes). Sejumlah **6,613 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **110 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **135 kes** yang dicatatkan pada 8 Julai 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 14 Julai 2021 menunjukkan seramai **8,644,292** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui bilangan yang telah divaksinasi iaitu 1,732,486** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,540,433. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,459,049), Johor (601,630), Perak (514,085), Pulau Pinang (436,417), Sabah (435,283), Negeri Sembilan (359,662), Kedah (355,657) sementara Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 284,582 dan 284,148. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **12,647,558** meliputi **8,644,292** penerima bagi **dos pertama** manakala **4,003,266** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- **US: Harga pengguna meningkat pada Jun 2021.** Harga pengguna US meningkat paling tinggi dalam 13 tahun pada bulan Jun di tengah kekangan bekalan dan kenaikan berterusan dalam kos perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan. Indeks harga pengguna meningkat 0.9% bulan ke bulan, kenaikan terbesar sejak Jun 2008, setelah meningkat 0.6% pada Mei 2021. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, IHP melonjak 5.4%. Ini adalah peningkatan terbesar sejak Ogos 2008 dan menyusuli kenaikan 5.0% pada Mei 2021. Tidak termasuk komponen makanan dan tenaga, IHP meningkat 0.9% bulan ke bulan setelah meningkat 0.7% pada Mei 2021. (Reuters)
- **EU: Inflasi France meningkat pada Jun 2021.** INSEE melaporkan kadar inflasi harga pengguna France meningkat sedikit pada Jun didorong oleh kenaikan harga barang Pembuatan. Inflasi harga pengguna meningkat kepada 1.5% pada Jun 2021 daripada 1.4% pada Mei 2021. Inflasi yang diharmonikan (*harmonized inflation*), untuk perbandingan antara negara EU meningkat sedikit kepada 1.9% daripada 1.8% pada bulan sebelumnya. Inflasi teras meningkat kepada 1.1% manakala harga produk pembuatan meningkat 0.7%, setelah jatuh dalam empat bulan sebelumnya. Harga makanan menurun -0.2%, selepas kejatuhan -0.3% pada Mei 2021. (RTT)
- **CHINA: Pertumbuhan eksport melebihi jangkaan pada Jun 2021.** Eksport China meningkat lebih dari yang dijangkakan pada Jun walaupun penutupan pelabuhan utama di selatan China akibat kes COVID-19 di kalangan pekerja pelabuhan. Dalam matawang US, eksport meningkat 32.2% tahun ke tahun pada Jun 2021 berbanding ramalan penganalisis ekonomi pada 23.1% dan kenaikan 27.9% pada Mei 2021. Import meningkat 36.7% tahun ke tahun, lebih cepat daripada jangkaan 30%. Lebihan perdagangan meningkat kepada USD51.5 bilion pada Jun 2021 daripada USD45.5 bilion pada bulan sebelumnya. (RTT)
- **CHINA: People's Bank of China (PBOC) mengulangi bahawa dasar tidak berubah walaupun pemotongan Nisbah Keperluan Rizab (RRR).** Pemotongan jumlah wang harus disimpan oleh bank tidak bermaksud perubahan dalam dasar monetari China. PBOC menyatakan pemotongan RRR adalah operasi standard kecairan setelah dasar monetari kembali normal dan arah dasar monetari yang berhemah tidak berubah. (Bloomberg)
- **AUSTRALIA: Keyakinan perniagaan melemah pada Jun 2021** kerana peningkatan jumlah jangkitan di New South Wales (NSW) dan sekatan pergerakan yang dikenakan. Indeks keyakinan perniagaan National Australia Bank turun ke 11 dari 20 pada Mei 2021. Penurunan keyakinan disebabkan oleh penurunan di NSW dan Queensland. Keyakinan semakin lemah disemua industri kecuali perlombongan dan pembuatan. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan program **Bakul Prihatin Negara** yang membabitkan pengagihan **420,000 bakul bantuan barang keperluan kepada 1.68 juta penerima** dengan peruntukan **RM21 juta**.
2. Sepanjang tahun 2020, **pasaran buruh Malaysia** mengalami **momentum tidak menentu** berikutan krisis kesihatan dan kesan ekonomi apabila semua sektor merekodkan penurunan dalam nilai purata gaji dan upah bulanan. Tiga sektor mencatatkan penurunan dua digit iaitu sektor Pertanian (-20%), Perlombongan dan pengkuarian (-17.7%) dan Pembinaan (-10.4%).
3. Sebanyak **RM500 juta bayaran Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 Pemerka**s Tambahan akan disalurkan kepada hampir 1 juta **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** dan mikro bermula 12 Julai. GKP 3.0 berjumlah RM1.5 bilion, atau RM1,500 kepada setiap PKS mikro yang layak. Daripada jumlah itu, RM1 bilion, atau RM1,000 kepada setiap PKS Mikro yang layak telah disalurkan pada pertengahan Jun.
4. **Perjalanan udara Asia** mungkin mengambil masa **tiga tahun lagi untuk pulih** sepenuhnya dari tekanan wabak COVID-19 berbanding pemulihan di rantau lain. Perjalanan udara antarabangsa di **semua rantau** akan mengambil masa **sehingga 2024** untuk kembali kepada situasi sebelum wabak kesihatan melanda.
5. Malaysia berpotensi menjadi **sumber gas asli cecair (LNG) yang terjamin ke Bangladesh** kerana mempunyai kedudukan pasaran yang mapan sebagai salah satu pembekal LNG yang paling dipercayai dan terkenal di dunia. Dengan jumlah **pengeluaran LNG sekitar 30 juta tan setahun**, Malaysia bersedia untuk membekalkan LNG ke pasar global termasuk ke Bangladesh.
6. **India mengimport 275,915 tan minyak kelapa sawit dari Malaysia** pada bulan Jun. Jumlah import minyak boleh dimakan negara pada Mei ialah **969,431 tan** dan 61 peratus daripadanya adalah minyak kelapa sawit. India berkemungkinan akan **membeli lebih banyak minyak kelapa sawit** setelah menamatkan sekatan importnya selama enam bulan, langkah yang dilihat bertujuan untuk meredakan harga minyak makan tempatan.
7. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) di bawah Kementerian Kesihatan telah bersetuju untuk **memberikan kelulusan bersyarat**

untuk pengimportan dan pengedaran self-test kit COVID-19 di negara ini.

8. **Persatuan Automotif Malaysia (MAA)** merayu kepada kerajaan untuk **membenarkan aktiviti sektor automotif beroperasi pada kapasiti tertentu** dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Fasa 1 & Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).
9. **Shopee** menawarkan program **Go-eCommerce Onboarding** bernilai RM3,000 **kepada kira-kira 60,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)**.
10. **Industri getah** negara kini berdepan pelbagai cabaran seperti **cuaca tidak menentu, ketidakstabilan harga** serta kesan sekatan perjalanan ekoran pandemik COVID-19.
11. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangka sekurang-kurangnya **500,000 petugas barisan hadapan** dalam sektor peruncitan akan menyertai Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC).
12. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyatakan perniagaan perlu memperoleh **aliran tunai untuk menampung kos operasi bulanan, kos pembayaran gaji pekerja** dan kos lain.
13. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju **menambah peruntukan sebanyak RM100 juta** bagi tujuan penyumberluaran (outsourcing) perkhidmatan kesihatan di Lembah Klang dan Selangor. Melalui penyumberluaran, kes bukan COVID-19 di Lembah Klang dan Selangor akan dirujuk ke hospital swasta.
14. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) merancang untuk melibatkan **lebih 13,000 syarikat Malaysia** melalui program **pembangunan pengekspor dan menggalakkan eksport** pada tahun ini. Antara strategi yang dilaksanakan ialah pertemuan perniagaan kepada perniagaan (B2B) dalam talian (eBizMatch). Pada 2020, MATRADE menjalankan sebanyak 1,365 sesi eBizmatch untuk 1,115 syarikat Malaysia dan 703 pembeli asing di seluruh dunia.
15. **Kerajaan mengumumkan** bantuan khas berjumlah **RM3,000 secara one-off** menerusi **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** kepada **4,400 pengusaha Taska** seliaan **KPWKM** dan **8,000 pengusaha Tadika swasta** seliaan **KPM**.

16. Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon peruntukan tambahan kepada kerajaan bagi melaksanakan beberapa projek iaitu penubuhan **TASKA** dan pusat kuarantin khas kepada kumpulan barisan hadapan.
17. Tempoh pendaftaran permohonan baharu Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0 dibuka mulai 15 Julai sehingga 31 Julai. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Mikro yang berstatus **tidak lulus** dan belum menerima GKP masih boleh mengemukakan **permohonan** bagi tujuan **pengesahan semula**. Bayaran melibatkan peruntukan RM1 bilion akan dibuat pada September (RM500) dan November (RM500).
18. **Syarikat logistik global DHL** dengan kerjasama **Iskandar Investment Bhd** (IIB) telah menubuhkan **hab DHL applied analytics (DAA)** yang pertama di Malaysia. Saintis data berpengalaman akan ditempatkan di hab berkenaan untuk membantu melatih dan membangunkan bakat tempatan daripada Universiti Teknologi Malaysia serta memberi penyelesaian analisis data untuk pelanggan mereka.
19. **Peneroka Felda** akan menerima **manfaat pengurangan bayar bulanan** daripada pelupusan hutang berjumlah **RM8.3 bilion** yang diumumkan Perdana Menteri pada 7 Julai 2021.
20. **Chemical Industries Council of Malaysia (CICM)** memohon Kerajaan untuk **menbenarkan industri kuari batu kapur beroperasi sepenuhnya** dengan **segera** supaya dapat terus menghasilkan bahan-bahan seperti kalsium hidroksida dan kalsium oksida. **Industri kapur** membekalkan **bahan mentah** penting untuk pengeluaran **air minuman bersih Malaysia** dan perkhidmatan **rawatan sisa air**.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 13 Julai 2021 (Non-essential)	<p>MAIK salur hampir RM40 juta bantu penduduk terkesan COVID-19</p> <p>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sudah menyalurkan sumbangan hampir RM40 juta bagi membantu penduduk yang terjejas.</p> <p>MAIK akan mengeluarkan lagi perbelanjaan bagi melengkapkan lima fasa di bawah program bantuan tersebut.</p> <p>MAIK juga menjalinkan kerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan agihan bantuan berjalan lancar.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/149767/KHAS/Covid-19/MAIK-salur-hampir-RM40-juta-bantu-penduduk-terkesan-Covid-19
2.	Metro 14 Julai 2021 (Non-essential)	<p>5 lokaliti di Sabah, Sarawak dikenakan PKPD</p> <p>Bagi mengekang penularan COVID-19, beberapa kawasan di Sabah Sarawak dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 16 Julai hingga 29 Julai. Perintah tersebut dilaksanakan berikutan kes yang semakin meningkat. Lokaliti di Sabah yang dikenakan PKPD ialah di daerah Beaufort, Sandakan, Papar dan Sipitang manakala di Sarawak pula di daerah Bau.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/730632/5-lokaliti-di-sabah-sarawak-dikenakan-pkpd

3.	The Edge Market 14 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>MARC further cuts Malaysia's 2021 growth forecast to 3.9%</p> <p>Malaysian Rating Corp Bhd (MARC) has shaved off its earlier forecast of a 5.1% gross domestic product growth for Malaysia for 2021 to 3.9%, prompted by the country's implementation of back-to-back mobility restrictions.</p> <p>The longer-than-planned nationwide lockdown is set to weaken prospects for recovery further, with more significant economic scarring arising from increased insolvencies and higher retrenchments.</p> <p>These, coupled with looming political uncertainties, will see business and consumer sentiment deteriorate even further, undermining discretionary spending and investment.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/marc-further-cuts-malaysias-2021-growth-forecast-39
4.	Berita Harian 15 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Muhyiddin lancar program Bakul Prihatin Negara</p> <p>Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan program Bakul Prihatin Negara yang membabitkan pengagihan 420,000 bakul bantuan barang keperluan kepada 1.68 juta penerima dengan peruntukan RM21 juta.</p> <p>Program berkonsepkan 'masyarakat menyeluruh' membabitkan kerjasama kerajaan dan syarikat korporat</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/839636/muhyiddin-lancar-program-bakul-prihatin-negara

	<p>dan ia diuruskan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di bawah KPWKM. Setiap bakul makanan bernilai RM50 itu mengandungi beras, gula, tepung gandum, bihun, kicap, sardin, biskut, kopi dan garam.</p> <p>Peruntukan RM21 juta merupakan RM5 juta peruntukan kerajaan dan RM16 juta disumbangkan oleh syarikat korporat.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mengagihkan bantuan berupa pek barang makanan serta wang tunai kepada penduduk yang terjejas tanpa mengira bangsa dan agama.
2. Peningkatan kes COVID-19 di beberapa lokaliti akan dilaksanakan PKPD bermula 16 Julai sehingga 29 Julai 2021 bagi mengekang penularan wabak tersebut di Sabah dan Sarawak Kawasan tersebut meliputi di daerah Beaufort, Sandakan, Papar dan Sipitang, Sabah manakala di Sarawak pula di daerah Bau.
3. Malaysia Rating Corp Bhd telah menyemak semula unjuran ekonomi Malaysia kepada 3.9% yang dipengaruhi oleh antara lain seperti pelaksanaan PKP dan ketidakstabilan politik dalam negara. Sekiranya sekatan pergerakan ini berterusan dilaksanakan, adalah dijangkakan ekonomi hanya mampu mencapai tahap pre-pandemik pada lewat tahun 2022 atau seterusnya.
4. Pelancaran program Bakul Prihatin Negara yang membabitkan pengagihan 420,000 bakul bantuan barang keperluan kepada 1.68 juta penerima dengan peruntukan RM21 juta.

Maklumbalas Bahagian:

1. Sumbangan yang diagihkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang berjumlah RM40 juta dapat meningkatkan aliran tunai dan menjana ekonomi di negeri Kelantan secara keseluruhan.
2. Pelaksanaan PKPD dijangka akan memberi kesan secara langsung kepada ekonomi berikutan sekatan perjalanan dan penutupan sempadan. Pada tahun 2020, Sabah dan Sarawak merekodkan pertumbuhan negatif dengan masing-masing menyusut sebanyak 9.5 peratus dan 7.1 peratus.

3. Semasa pelaksanaan pelbagai fasa PKP pada tahun lalu, ekonomi Malaysia menyusut sebanyak 5.6 peratus iaitu terendah selepas tahun 1998 (-7.4%). Pelaksanaan penutupan penuh ekonomi semasa PKP3.0 dijangka akan memberi kesan kepada pemulihan ekonomi negara. Pada ST1 2021, KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.
4. Program Bakul Prihatin Negara akan memberi kesan kepada nilai perbelanjaan isi rumah yang direkodkan di bawah perbelanjaan NPISH. Pada tahun 2020, perbelanjaan oleh NPISH ini bertumbuh sebanyak 12.6 peratus.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Bernama 13 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MAA rayu kerajaan benarkan aktiviti sektor automotif dibuka semula dengan SOP ketat</p> <p>Persatuan Automotif Malaysia (MAA) merayu kepada kerajaan untuk membenarkan aktiviti sektor automotif beroperasi pada kapasiti tertentu dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Fasa 1 & Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p> <p>Persatuan ini menyatakan pengeluaran dan pengedaran produk automotif telah terhenti sejak 1 Jun 2021 yang mana penghentian semua aktiviti ini membawa implikasi luas kepada seluruh ekosistem automotif di seluruh negara.</p> <p>Industri automotif Malaysia sangat bergantung pada pasaran domestik. Pasaran eksport tetapi tidak mencukupi untuk</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1981888

		mengekalkan daya tahan industri ini.	
2.	Berita Harian 13 Jun 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Industri getah negara terus berdepan ketidaktentuan</p> <p>Industri getah negara kini berdepan pelbagai cabaran seperti cuaca tidak menentu, ketidakstabilan harga serta kesan kawalan perjalanan ekoran pandemik COVID-19.</p> <p>International Rubber Study Group (IRSG) menjangkakan keadaan pasaran getah global akan berlaku perubahan kenaikan harga minyak dan jangkaan ekonomi yang pulih. Pasaran juga mendapat keuntungan dari kenaikan harga minyak dan dolar Amerika Syarikat (AS) yang lebih lemah.</p> <p>Permintaan untuk getah sintetik dijangka meningkat 10.2 peratus kerana permintaan yang tinggi untuk sarung tangan dan produk bermusim yang lain.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/838988/industri-getah-negara-terus-berdepan-ketidaktentuan
3.	Kosmo 13 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Go-eCommerce Onboarding tawar inisiatif RM3,000</p> <p>Shopee menawarkan program Go-eCommerce Onboarding bernilai RM3,000 kepada kira-kira 60,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).</p> <p>Dua pakej yang ditawarkan kepada usahawan sedia ada yang melibatkan pemberian baucar pulangan tunai syiling Shopee</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/07/13/go-e-commerce-onboarding-tawar-inisiatif-rm3000/

		<p>bernilai RM2,500 untuk kedai dan rebat yuran perkhidmatan bernilai sehingga RM500. Pakej untuk penjual Shopee baharu pula berupa baucar pulangan tunai syiling Shopee bernilai RM1,500 untuk kedai dan rebat yuran perkhidmatan bernilai sehingga RM1,500.</p> <p>Program berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif e-dagang Penjana tahun lalu yang dikenali sebagai Kempen E-dagang Perusahaan Mikro dan PKS sebelum dijenamakan semula kepada Go-eCommerce Onboarding.</p>	
4.	Bernama 13 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>KPDNHEP sasar sekurang-kurangnya 500,000 petugas barisan hadapan runcit serta RiVAC</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangka sekurang-kurangnya 500,000 petugas barisan hadapan dalam sektor peruncitan akan menyertai Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC), termasuk juruwang, kakitangan jualan, kru restoran, pekerja stesen minyak, kakitangan pasar raya dan mereka yang terlibat dalam rantaian pengedaran.</p> <p>RiVAC adalah kerjasama awam-swasta antara KPDNHEP dan pemain peruncitan termasuk Persatuan Gedung Membeli Belah Malaysia yang bertujuan</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1981923

		memastikan perkhidmatan membeli belah dan keselamatan pengguna dilindungi semasa pandemik.	
5.	Harian Metro 13 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)	Tawaran niaga-ke-niaga IKEA IKEA melancarkan IKEA for Business, tawaran niaga-ke-niaga (B2B) yang membolehkan usahawan menyediakan persekitaran kerja yang berfungsi serta fleksibel bagi memenuhi cara kerja serta menawarkan kelengkapan gaya Scandinavia yang menginspirasikan dan mampu milik serta ruang kerja yang lestari dan bermutu tinggi.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/729921/tawaran-niaga-ke-niaga-ikea
6.	Harian Metro 13 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	Peraduan hargai pelanggan setia Sebanyak RM500 juta bayaran Geran Khas Prihatin 3.0 (GKP 3.0) Pemerka Tambahan akan disalurkan kepada sejuta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro secara berperingkat, mulai semalam. Salah satu langkah tahun ini adalah GKP3.0 sebanyak RM1.5 bilion atau RM1,500 kepada setiap PKS mikro yang layak. RM1 bilion atau RM1,000 bagi setiap PKS mikro sudah pun dikreditkan ke dalam akaun penerima pada pertengahan Jun 2021. Peruntukan dana pinjaman mudah bagi PKS dan PKS mikro juga tersedia di bawah Bank Negara Malaysia berjumlah	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/729912/pks-mikro-dapat-rm500

		RM8.6 bilion. Jumlah ini termasuk dana tambahan sebanyak RM2 bilion melalui Pakej Pemerkasa Tambahan dan RM2 bilion lagi menerusi Pakej Pemulih.	
7.	Malay Mail 14 Julai 2021 (Non-essential)	<p>COVID-19: Only fully vaccinated stallholders may operate at hawker centres, markets, says Kuching South City Council</p> <p>The Kuching South City Council (MBKS) plans to only allow stallholders who are fully vaccinated to open for business at hawker centres and markets under its jurisdiction to ensure those protecting markets and hawker centers feel safe.</p> <p>Almost 85 per cent of licensed operators have been vaccinated and we hope we can achieve 100% vaccination rates soon. The rule also applies to all other non-essential items, which also cannot be sold in any store.</p> <p>Stores that sell liquor cannot operate for two weeks, as alcoholic beverages are not necessities according to established standard operating procedures and are not considered essential goods.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/14/covid-19-only-fully-vaccinated-stallholders-may-operate-at-hawker-centres-m/1989775
8.	Utusan Malaysia 14 Julai 2021 (Non-essential)	<p>Buka ekonomi secara bersasar</p> <p>Kerajaan menetapkan pembukaan ekonomi secara bersasar mengikut kawasan yang mencatatkan kes jangkitan</p>	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/buka-ekonomi-secara-bersasar/

		<p>COVID-19 rendah, bukan secara pukal mengikut negeri.</p> <p>Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyatakan perniagaan perlu memperoleh aliran tunai untuk menampung kos operasi bulanan, kos pembayaran gaji pekerja dan kos lain. Kebanyakan bantuan kerajaan hanya akan disalurkan pada bulan hadapan, September dan November.</p> <p>Surat daripada Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) dan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun Malaysia (JACTIM) yang menggesa kerajaan menyelaraskan pendekatan yang lebih bersasar bagi membolehkan perniagaan melindungi pelaburan dan kakitangannya serta membenarkan industri beroperasi dengan kapasiti 10 peratus pekerja dan menilai semula pendekatannya dalam menangani pandemik COVID-19.</p>	
9.	Free Malaysia Today 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	RON97 up 3 sen, diesel, RON95 remain unchanged <p>The finance ministry announced today. The price of RON97 will increase by three sen per litre starting tomorrow.</p> <p>The new price will be effective from July 15 until July 28. RON97 will retail at RM2.73 per litre. The retail price of RON95 and diesel remains unchanged at RM2.05 and RM2.15 per litre retained to</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/07/14/ron97-up-3-sen-diesel-ron95-remain-unchanged/

		protect consumers from the global price increase.	
10.	Kosmo 15 Julai 2021 (Non-essential)	<p>'Jangan kenakan komisen melampau'</p> <p>Pengendali aplikasi perkhidmatan penghantaran makanan tidak sepatutnya mengenakan komisen yang terlalu tinggi kepada golongan peniaga berikutan jumlah pengguna aplikasi tersebut sangat ramai.</p> <p>Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, pengendali aplikasi masih boleh mengaut keuntungan walaupun dengan komisen yang tidak terlalu tinggi.</p> <p>KPDNHEP sedang meneliti isu tersebut secara mendalam bagi mendapatkan penyelesaian yang tidak akan menjelaskan mananya pihak. Pengguna, peniaga, pengendali aplikasi dan juga penghantar, kerana ia melibatkan mata pencarian ramai pihak.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/07/15/jangan-kenakan-komisen-melampau/
	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
11.	Bernama 13 Julai 2021 (Essential)	<p>MAVCOM lanjutkan moratorium hak trafik udara bagi menyokong pemulihan sector penerbangan</p> <p>Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) melanjutkan moratorium Hak Trafik Udara (ATR) yang membenarkan syarikat penerbangan untuk mengekalkan portfolio ATR</p>	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1981896

		sedia ada tanpa menghadapi risiko tamat tempoh. Keputusan itu sejajar dengan usaha menyokong pemain industri penerbangan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.	
C. Subsektor Penginapan			
12.	Utusan Malaysia 13 Julai 2021 (Essential)	<p>Eagle Range kibar bendera putih, solidariti nasib industri hotel</p> <p>Tular di media sosial baru-baru ini satu video memaparkan sekumpulan pekerja Eagle Ranch Resort, dekat sini yang mengibarkan bendera putih di hadapan pintu masuk resort tersebut.</p> <p>“Kami hanya mahu menyampaikan mesej tentang keadaan industri perhotelan yang semakin parah disebabkan PKP ketika ini,” kata Pengurus Operasi Eagle Ranch Resort, Greg Tee.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/eagle-range-kibar-bendera-putih-solidariti-nasib-industri-hotel/
13.	Utusan Malaysia 14 Julai 2021 (Essential)	<p>‘Buy Now, Travel Later’ pacu sektor pelancongan, hospitaliti Melaka</p> <p>Kerajaan negeri dan platform e-dagang, Lazada bekerjasama menyediakan laman Melaka e-Bazar bagi mempromosikan produk pelancongan dan hospitaliti Melaka menerusi kempen ‘Buy Now, Travel Later’ bermula 7 Julai lalu.</p> <p>Usaha ini dapat meningkatkan sinergi dan kerjasama antara pemain industri pelancongan dan</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/buy-now-travel-later-pacu-sektor-pelancongan-hospitaliti-melaka/

		<p>perkhidmatan pelancongan ke arah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di dunia.</p> <p>Ketua Pegawai Operasi Lazada Malaysia, Darren Rajaratnam berkata, pihaknya bertekad untuk memainkan peranan dalam menyokong perniagaan tempatan dalam suasana mencabar ini terutamanya industri pelancongan yang terjejas akibat COVID-19.</p>	
D. Subsektor Kesihatan			
14.	Berita Harian 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>CAC Selangor akan tambah baik</p> <p>Pengurusan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di Selangor akan dinilai dan tambah baik khususnya berkaitan proses pendaftaran pesakit, bekalan tangki oksigen dan penambahan bilangan petugas kesihatan.</p> <p>Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, pihak KKM sedang menganggarkan berapa jumlah kakitangan yang akan ditambah dan dimobilisasi ke CAC di seluruh Selangor. CAC swasta juga sedang dipertimbangkan untuk dibuka di negeri Selangor.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/839159/cac-selangor-akan-tambah-baik
15.	Berita Harian 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>RM100 juta bagi penyumberluaran perkhidmatan kesihatan</p> <p>Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memaklumkan</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/839041/rm100-juta-bagi-penyumberluaran-

		<p>Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju menambah peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tujuan penyumberluaran (outsourcing) perkhidmatan kesihatan di Lembah Klang dan Selangor.</p> <p>Dr Adham berkata, melalui penyumberluaran itu, kes bukan COVID-19 di Lembah Klang dan Selangor akan dirujuk ke hospital swasta yang bersama Kementerian Kesihatan (KKM) sejak awal pandemik.</p> <p>Selain itu KKM juga menjadikan Hospital Sungai Buloh dan Hospital Ampang sebagai hospital penuh COVID-19 manakala hospital awam lain sebagai hospital hibrid COVID-19. Hospital Shah Alam kekal sebagai hospital bukan COVID-19.</p>	<u>perkhidmatan-kesihatan</u>
16.	Astro Awani 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	COVID-19 Jawatankuasa bertindak perlu cari penyelesaian <p>Jawatankuasa bertindak dalam menangani kes COVID-19 di Lembah Klang perlu mencari inisiatif dalam memastikan pesakit COVID-19 kategori empat dan lima dapat menerima rawatan. Pakar Perubatan Kesihatan Awam Dr Farhan Rusli mencadangkan supaya kerajaan mengambil alih fasiliti kesihatan swasta untuk menguruskan kes bukan COVID-19.</p>	<u>https://www.astroawani.com/video-malaysia/covid19-jawatankuasa-bertindak-perlu-cari-penyelesaian-1913317</u>

17.	Astro Awani 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pengamal perubatan swasta boleh bantu ringankan beban Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) - Dr. Malar</p> <p>Beban kakitangan perubatan awam di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) boleh diringankan dengan kehadiran pengamal perubatan persendirian untuk menjalankan bersama kerja saringan dan rawatan pesakit, kata Pegawai Perubatan Jabatan Kecemasan Columbia Asia Hospital Cheras, Dr. S. Malar Santhi.</p>	https://www.astroawani.com/video-malaysia/pengamal-perubatan-swasta-boleh-bantu-ringankan-beban-pusat-penilaian-covid-19-cac-dr-malar-1913352
18.	Harian Metro 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pakar jangka kes terus meningkat 2 minggu ini</p> <p>Kes harian COVID-19 dijangka terus meningkat dalam dua minggu ini walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan sudah membuat perancangan segera bagi meningkatkan lagi kapasiti merawat COVID-19 di lapangan.</p> <p>Mengikut dapatan data diterbitkan oleh KKM pada hari ini menunjukkan hampir semua negeri menunjukkan peningkatan bilangan kes mengikut negeri dengan mencatatkan keseluruhan bilangan kes di Malaysia tertinggi dalam rekod. Bilangan yang perlukan rawatan kritikal semakin sesak memenuhi hospital kerajaan dan swasta. Mobilisasi petugas kesihatan dari negeri-negeri Fasa 2 ke negeri-negeri kritikal (Fasa 1) bagi tujuan rawatan pesakit dan</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/730519/pakar-jangka-kes-terus-meningkat-2-minggu-ini

		mobilisasi anggota dari hospital swasta untuk membantu.	
19.	Astro Awani 14 Julai 2021 (Essential)	<p>Harga Vaksin Pharmaniaga masih bincang dengan pihak swasta</p> <p>Pharmaniaga Bhd akan turut membekalkan vaksin kepada pihak kerajaan negeri dan syarikat swasta selepas selesai pemberian 12 juta dos vaksin kepada kerajaan. Bagaimanapun, jelas Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Zulkarnain Md Eusop, harga vaksin yang dikenakan kepada pihak swasta masih lagi dalam perbincangan.</p>	https://www.astroawani.com/video-malaysia/harga-vaksin-pharmaniaga-masih-bincang-dengan-pihak-swasta-1913431
E. Subsektor Makanan & Minuman			
20.	Utusan Borneo 13 Julai 2021 (Essential)	<p>Makan di kedai belum dibenarkan</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) hari ini mengumumkan 'dine-in' tidak dibenarkan bagi sementara waktu di premis makanan dan minuman di seluruh Sarawak. Ini adalah susulan Varian Delta (VOC) telah dikesan di Sarawak. Sebelum ini kerajaan negeri membenarkan 'dine-in' di kedai makan memandangkan negeri telah beralih ke fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p> <p>"Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) akan mengkaji semula dan menambahbaik garis</p>	https://www.utusansorneo.com.my/2021/07/13/makan-di-kedai-belum-dibenarkan

		panduan (SOP) bagi <i>dine-in</i> di premis makan dalam Fasa 2 PPN.	
	F. Subsektor Perkhidmatan Lain		
21.	The Malaysian Insight 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kematian meningkat, pengeluar keranda sukar penuhi tempahan</p> <p>Selepas kematian COVID-19 meningkat, kilang mayat dan keranda berdepan masalah memenuhi permintaan.</p> <p>Mereka bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja tetapi bahan mentah susulan perintah kawalan pergerakan (PKP).</p> <p>Mereka juga terpaksa menghentikan sementara tempahan untuk eksport agar dapat memberi fokus kepada memenuhi permintaan tempatan.</p>	https://www.themalaysianinsight.com/basha/v/327251

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan Automotif Malaysia (MAA) merayu kepada kerajaan untuk membenarkan aktiviti sektor automotif beroperasi pada kapasiti tertentu dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Fasa 1 & Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).
2. Industri getah negara kini berdepan pelbagai cabaran seperti cuaca tidak menentu, ketidakstabilan harga serta kesan kawalan perjalanan ekoran pandemik COVID-19.
3. Shopee menawarkan program Go-eCommerce Onboarding bernilai RM3,000 kepada kira-kira 60,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
4. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangka sekurang-kurangnya 500,000 petugas barisan hadapan dalam sektor peruncitan akan menyertai Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC).

5. IKEA melancarkan *IKEA for Business*, tawaran niaga-ke-niaga (B2B) yang membolehkan usahawan menyediakan persekitaran kerja yang berfungsi serta fleksibel.
6. Sebanyak RM500 juta bayaran Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 Pemerka Tambahan akan disalurkan kepada hampir 1 juta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro bermula 12 Julai. GKP 3.0 berjumlah RM1.5 bilion, atau RM1,500 kepada setiap PKS mikro yang layak. Daripada jumlah itu, RM1 bilion, atau RM1,000 kepada setiap PKS Mikro yang layak telah disalurkan pada pertengahan Jun.
7. *South Kuching City Council (MBKS) allows fully vaccinated shopkeepers to trade in hawker centers and markets.*
8. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyatakan perniagaan perlu memperoleh aliran tunai untuk menampung kos operasi bulanan, kos pembayaran gaji pekerja dan kos lain.
9. *Carsome, Pivush Palkar has partnered with Aspiration, to provide micro financing and micro insurance solutions under Axiata Digital to used car dealers.*
10. *The finance ministry announced, RON97 will retail at RM2.73 per litre. the retail price of RON95 and diesel remains unchanged at RM2.05 and RM2.15 per litre retained to protect consumers from the global price increase will be effective from July 15 until July 28.*
11. KPDNHEP sedang meneliti isu perkhidmatan penghantaran makanan mengenakan komisen yang terlalu tinggi kepada golongan peniaga.
12. MAVCOM menawarkan fleksibiliti tamat tempoh ATR dan melanjutkan moratorium bagi penguatkuasaan Rangka Kerja Berkualiti Perkhidmatan serta Kod Perlindungan Pengguna Penerangan Malaysia 2016. Terdapat 10 permohonan ATR yang telah diluluskan suruhanjaya iaitu lima bagi laluan antarabangsa, manakala selebihnya untuk laluan domestik. Jumlah permohonan ATR suku ini mencatatkan penurunan sebanyak 58.3 peratus daripada suku pertama 2021.
13. Eagle Ranch Resort terpaksa memberikan pekerja cuti tanpa gaji mulai bulan kelima bagi menampung kos operasi resort. Resort tersebut kini hanya mempunyai 20 orang pekerja berbanding 87 orang pekerja pada empat bulan pertama sejak April tahun lalu.

14. Pengguna Lazada boleh membeli baucar percutian dengan tarikh terbuka iaitu tempoh sah laku selama setahun sehingga 2022 melalui *Melaka e-Bazar*. Mulai 1 Ogos, setiap pengguna Lazada juga boleh menikmati penjimatan lebih besar dengan mengumpulkan baucar diskaun sehingga 50 peratus di laman *Melaka e-Bazar*.
15. Pengurusan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) swasta juga sedang dipertimbangkan untuk dibuka di negeri Selangor untuk meringankan bebanan pihak kerajaan.
16. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju menambah peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tujuan penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan kesihatan di Lembah Klang dan Selangor. Melalui penyumberluaran, kes bukan COVID-19 di Lembah Klang dan Selangor akan dirujuk ke hospital swasta.
17. Pengamal perubatan swasta boleh bantu ringankan beban kakitangan perubatan awam di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC).
18. *Dine-in* di restoran dan kedai makan masih tidak dibenarkan di Sarawak berikutan kewujudan Varian Delta di negeri itu sehingga Garis Panduan (SOP) terkini ditambahbaik oleh Kementerian.
19. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) akan mengkaji dan menambahbaik SOP “*dine-in*” di restoran dan kedai makan bagi Fasa 2 PPN.
20. Pengeluar keranda berdepan masalah memenuhi permintaan susulan kes kematian COVID-19 yang meningkat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan kewangan dan geran dapat meringankan beban yang ditanggung peniaga sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
2. Sektor Automatif terjejas teruk sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa daerah di Selangor dan Kuala Lumpur yang menyumbang hampir 50 peratus kepada jumlah keseluruhan industri (TIV) Malaysia.
3. Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, MAVCOM telah melaksanakan ATR bagi pemain industri di bawah seliaan mereka. Ini dapat membantu syarikat-syarikat pengangkutan udara mengurangkan kos dan menjamin kelangsungan operasi syarikat dalam tempoh PKP sepanjang tahun 2021.

4. Pemberhentian pekerja akan menjasakan bilangan pekerja industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.
5. Kempen Promosi Melaka E-Bazar '*Buy Now, Travel Later*' yang dilancarkan dapat meningkatkan hasil pendapatan produk pelancongan dan hospitaliti negara terutama negeri Melaka.
6. Penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta (*decanting*) yang giat dilaksana oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akan menyumbang kepada hasil industri hospital swasta pada suku tahun ketiga 2021.
7. Peningkatan kes kematian akibat COVID-19 menyebabkan permintaan terhadap keranda meningkat. Bahagian akan mengambil perhatian terhadap industri ini semasa penyediaan statistik pada suku ketiga 2021 nanti.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 13 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Malaysia has potential to be reliable source of LNG to Bangladesh</p> <p>Malaysia has the potential to be a secure and reliable source of liquefied natural gas (LNG) to Bangladesh as it has an established market position as one of the world's most reliable and reputable LNG suppliers.</p> <p>With total LNG production of about 30 million tonnes per annum, Malaysia is well poised to supply LNG to global markets including to Bangladesh.</p> <p>LNG will be in a position to play an important role as a cleaner and more sustainable source of energy for Bangladesh.</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1981961

2.	<p>The Edge Markets 13 Julai 2021 (Essential)</p>	<p>India imports 275,915 tonnes of palm oil from Malaysia in June</p> <p>India imported 275,915 tonnes of palm oil from Malaysia in June, according to the latest data from an industry group.</p> <p>The country's total edible oil imports last month were 969,431 tonnes, with palm oil's share being 61%, the Mumbai-based Solvent Extractors' Association of India (SEA) said.</p> <p>Imports from Malaysia were 268,715 tonnes of crude palm oil (CPO), 3,200 tonnes of refined, bleached and deodorised (RBD) palm olein and 4,000 tonnes of crude palm kernel oil.</p> <p>India is likely to buy more refined palm oil after the government last month lifted restrictions on its imports for six months, a move seen aimed at cooling local consumer prices of edible oil.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/india-imports-275915-tonnes-palm-oil-malaysia-june</p>
3.	<p>Bernama 14 Julai 2021 (Non-essential)</p>	<p>UMW Toyota hopes movement restrictions can be eased for quicker recovery</p> <p>UMW Toyota Motor (UMWT) has an encouraging order bank for various models but remains hopeful nonetheless that movement control restrictions can be eased to allow it to operate in a limited and safe way.</p> <p>The ongoing Movement Control Order which began on June 1, 2021, many business sectors had</p>	<p>https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1982188</p>

		<p>to remain closed and new vehicle sales for the whole automotive industry has dropped tremendously in June.</p> <p>Prolonged restrictions on vehicle production could have an impact not just on passenger vehicle but also commercial vehicles, which are essential for transportation of goods around the country.</p>	
4.	The Edge Markets 14 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>COVID-19: MDA grants conditional approval for import, distribution of self-test kits</p> <p>The Health Ministry's Medical Device Authority (MDA) today agreed to grant conditional approval for the importation and distribution of COVID-19 self-test kits in the country.</p> <p>Two COVID-19 self-test kits had passed the prescribed technical evaluation and performance testing and would be given import and distribution approval in the near future, while another 15 were undergoing performance testing in laboratories before a decision is made.</p> <p>Although the test kit can be used as a screening test to get immediate results on their infection status, it does not replace the real-time diagnostic function of reverse-transcription polymerase chain reaction (rRT-PCR).</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-mdt-grants-conditional-approval-import-distribution-selftest-kits

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia berpotensi menjadi sumber gas asli cecair (LNG) yang selamat dan boleh dipercayai ke Bangladesh kerana mempunyai kedudukan pasaran yang mapan sebagai salah satu pembekal LNG yang paling dipercayai dan terkenal di dunia. Dengan jumlah pengeluaran LNG sekitar 30 juta tan setahun, Malaysia bersedia untuk membekalkan LNG ke pasaran global termasuk ke Bangladesh.
2. India mengimport 275,915 tan minyak kelapa sawit dari Malaysia pada bulan Jun, menurut data terbaru dari sebuah kumpulan industri. Jumlah import minyak boleh dimakan negara tersebut bulan lalu ialah 969,431 tan, 61 peratus daripadanya adalah minyak kelapa sawit. India berkemungkinan akan membeli lebih banyak minyak kelapa sawit setelah pihak kerajaan India bulan lalu menamatkan sekatan importnya selama enam bulan, langkah yang dilihat bertujuan untuk meredakan harga minyak makan tempatan.
3. UMW Toyota Motor (UMWT) mempunyai bank pesanan yang menggalakkan untuk pelbagai model tetapi tetap berharap bahawa sekatan kawalan pergerakan dapat ditamatkan untuk membolehkannya beroperasi dengan cara yang terhad dan selamat. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 1 Jun 2021, banyak sektor perniagaan harus ditutup dan penjualan kenderaan baru untuk seluruh industri automotif telah menurun dengan sangat mendadak pada bulan Jun.
4. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) dibawah Kementerian Kesihatan hari ini bersetuju untuk memberikan kelulusan bersyarat untuk pengimportan dan pengedaran *self-test kit* COVID-19 di negara ini. Dua kit ujian diri COVID-19 telah melepassi penilaian teknikal dan ujian prestasi yang ditetapkan dan akan diberi kelulusan import dan pengedaran dalam masa terdekat, sementara 15 lagi masih menjalani ujian prestasi di makmal sebelum keputusan dibuat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport kod HS 10 digit 2711110000 *petroleum gases and other gaseous hydrocarbons. liquefied:natural gas* yang terkandung didalamnya gas asli cecair bagi Mei 2021 adalah RM2,985 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM164.1 juta atau 5.8 peratus bulan ke bulan. Volum eksport gas asli cecair bagi Mei 2021 adalah 2.29 juta tan metrik dan mencatatkan penurunan sebanyak 17,505 tan metrik atau 0.8 peratus. Jepun merupakan destinasi utama eksport gas asli cecair pada bulan Mei 2021 dengan nilai eksport adalah RM1,377.0 juta atau 46.2 peratus, diikuti

oleh China (RM971.9 juta atau 32.6 peratus) dan Korea (RM547.6 juta atau 18.3 peratus).

2. Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah RM5,070.0 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM65.7 juta atau 0.8 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah 1.17 juta tan metrik dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 60,348 tan metrik atau 4.9 peratus. Nilai eksport minyak kelapa sawit ke India bagi Mei 2021 adalah RM1,778.0 juta dan menyumbang sebanyak 37.7 peratus kepada nilai keseluruhan.
3. Nilai eksport motorcar sudah dipasang, baru bagi Mei 2021 adalah RM38.0 juta dan menunjukkan penurunan mendadak sebanyak RM40.0 juta atau 51.4 peratus berbanding bulan sebelumnya. Jumlah motor sudah dipasang, baru yang dieksport pada bulan Mei 2021 adalah 568 unit dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 199 unit atau 25.9 peratus.
4. Nilai eksport bagi kod HS enam digit 300215; *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products.antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes:immunological products, put up in measured doses or in forms or packings for retail sale* yang terkandung didalamnya *self-test kit* bagi Mei 2021 adalah RM16.5 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM6.8 juta atau 29.3 peratus. Malaysia mengimport produk ini daripada Jerman sebanyak RM5.9 juta atau 35.8 peratus, diikuti oleh Amerika Syarikat (RM3.4 juta atau 20.8 peratus) dan Switzerland (RM3.2 juta atau 19.1 peratus).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Kosmo 15 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)	Dahulu gaji tinggi, kini bawah RM3,000 Purata gaji dan upah bulanan kira-kira 9.4 juta pekerja rakyat Malaysia telah menurun sebanyak sembilan peratus pada tahun 2020, kemerosotan	https://www.kosmo.com.my/2021/07/15/dahulu-gaji-tinggi-kini-bawah-rm3000/

		kali pertama sejak ia mula direkodkan pada 2010.	
2.	Malay Mail 15 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Penang launches COVID-19 vaccination registration for construction workers</p> <p>The COVID-19 vaccination centre (PPV) for the Construction Industry Vaccination Programme (CIVac) in the northern region will be in Penang according to exco Zairil Khir Johari.</p> <p>He further said that registration for CIVac in the northern region is now open for all workers in the construction sector but it will be on a first-come-first-served basis.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/15/penang-launches-covid-19-vaccination-registration-for-construction-workers/1990098

Penemuan penting & isu:

1. Pembinaan antara sektor yang turut terjejas akibat krisis kesihatan sehingga menyebabkan pendapatan rakyat Malaysia menurun. Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Mohd. Uzir Mahidin menerangkan sepanjang 2020, pasaran buruh Malaysia mengalami momentum tidak menentu berikutan krisis kesihatan dan kesan ekonomi. Beliau berkata, mengikut sektor ekonomi, semuanya merekodkan penurunan dalam nilai purata gaji dan upah bulanan. Tiga sektor mencatatkan penurunan dua digit iaitu sektor pertanian (-20 peratus), perlombongan dan pengkuarian (-17.7 peratus) dan pembinaan (-10.4 peratus).
2. *COVID-19 clusters are often found among the construction sector and this is mostly due to the working and living conditions of the workers in the sector.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Senario sama berlaku di peringkat global yang mana *International Labour Organization* (ILO) melaporkan berdasarkan data awalan, trend penurunan dapat disaksikan dari segi nilai atau kadar pertumbuhan purata gaji di dua pertiga negara di dunia termasuk Jepun, Republik Korea dan United Kingdom. Negara yang melaksanakan langkah pengekalan pekerjaan didapati berupaya mengekalkan guna tenaga walaupun pada gaji dan upah yang lebih rendah. Malaysia turut mengalami keadaan sama, dengan program subsidi upah serta pengekalan pekerjaan didapati membantu mengurangkan impak kehilangan pekerjaan pada 2020.

2. Pusat vaksinasi COVID-19 untuk Program Vaksinasi Industri Pembinaan di wilayah utara akan berada di negeri Pulau Pinang. Fasa pertama CIVac melibatkan 25,000 pekerja yang akan divaksin. Program ini dijangka dapat mengurangkan impak kadar jangkitan dikalangan pekerja industri ini di wilayah utara seterusnya dapat membantu mengimbangi nilai kerja binaan yang terjejas. Namun begitu, permintaan untuk vaksin COVID-19 jauh melebihi vaksin yang diperuntukkan untuk fasa pertama iaitu terdapat 47,950 pekerja di Pulau Pinang, 40,347 pekerja di Perak, 29,062 di Kedah dan 5,690 di Perlis yang berdaftar dengan CIDB.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	LKL's exports surge more than 170pct in Q4 LKL International Bhd's export sales recovered to RM3.8 million in the fourth quarter (Q4) ended April 30, 2021, up 171.6 per cent year-on-year, supported by higher sales of medical beds to the healthcare sectors in Asia, Europe and the Middle East. The company also continued to play an active role in Malaysia's current response to the COVID-19 pandemic. This is by increasing the supply of personal protective equipment (PPE) to local government and healthcare institutions and continued to register healthy orders for the medical beds in Malaysia and overseas to be delivered till end-2021, affirming the largely resilient demand despite short-term challenges. The company remained optimistic that its prospects would be complemented by robust levels of healthcare expenditure.	https://www.nst.com.my/business/2021/07/708362/lkl-exports-surge-more-170pct-q4

2.	The Star 15 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Asia's air travel may take three years to recover from pandemic ASIAN air travel may take another three years to recover fully from the devastation wrought by the pandemic, lagging rebounds in other regions. It'll take until 2024 for international air travel across the region to reach pre-virus levels. Similarly, jet fuel consumption will reach pre-pandemic volumes only in 2023-2024. Both North America and Europe have seen strong demand during the holidays, with the European Union relaxing quarantine and lockdown requirements. Sadly, the same cannot be said for Asia, where the low level of vaccination rates, sudden and sharp lockdowns, and inconsistent regulations frustrate any real attempt at a recovery. Just this week, Indonesia -- the largest economy in Southeast Asia -- surpassed India's tally of daily cases, marking a new center for the highly-contagious delta variant. Elsewhere, Malaysia has been struggling to contain a recent outbreak, Seoul in South Korea has imposed its toughest restrictions yet, and Japan is preparing to host the Olympic Games without spectators.	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/15/asia-air-travel-may-take-three-years-to-recover-from-pandemic
----	--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Jualan eksport LKL International Bhd meningkat kepada RM3.8 juta pada suku keempat 2020, peningkatan 171.6 peratus tahun ke tahun, disokong oleh penjualan katil perubatan yang lebih tinggi ke sektor kesihatan di Asia, Eropah dan Timur Tengah. Syarikat itu juga terus memainkan peranan penting dalam usaha Malaysia terhadap mengekang penularan wabak COVID-19 dengan

meningkatkan penyediaan peralatan pelindung diri (PPE) kepada kerajaan dan institusi kesihatan selain menyediakan katil perubatan kepada Malaysia dan luar negara sehingga akhir 2021.

2. Perjalanan udara Asia mungkin mengambil masa tiga tahun lagi untuk pulih sepenuhnya dari tekanan wabak COVID-19 berbanding pemulihan di rantau lain. Perjalanan udara antarabangsa di semua rantau akan mengambil masa sehingga 2024 untuk kembali kepada situasi sebelum wabak kesihatan melanda. Selain itu, penggunaan bahan bakar jet akan mencapai jumlah pra-pandemik pada tahun 2023 - 2024. Ketika ini, Amerika Utara dan Eropah mempunyai permintaan penggunaan bahan bakar jet yang tinggi semasa musim cuti, seiring dengan pengurangan sekatan pergerakan oleh Kesatuan Eropah. Namun, berbeza bagi Asia, dengan tahap kadar vaksinasi yang rendah, sekatan pergerakan secara mengejut dan peraturan yang tidak konsisten telah menyebabkan usaha sebenar untuk pemulihan menjadi kurang berkesan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Jualan eksport bagi syarikat pembuat katil hospital menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada suku keempat tahun 2020. Situasi ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Semasa terutamanya komponen Barang. Pada suku tahun pertama 2021, komponen Barang mencatat lebihan sebanyak RM36.6 bilion berbanding RM42.6 bilion pada suku sebelumnya.
2. Jangkaan pemulihan perjalanan udara Asia akan mengambil masa tiga tahun lagi untuk pulih sepenuhnya dari tekanan wabak COVID-19, yang dikatakan ketinggalan berbanding pemulihan di rantau lain. Perkara ni akan dapat dilihat dalam penyusunan Statistik Perkhidmatan terutamanya bagi komponen Perjalanan dan Pengangkutan. Pada suku pertama tahun 2021, komponen Perjalanan dan Pengangkutan masing-masing telah mencatatkan defisit sebanyak RM3.4 bilion dan RM7.6 bilion.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 13 Julai 2021 (Non-essential)	PKPD: Industri automotif negara terjejas teruk Keseluruhan rantaian bekalan dalam sektor automotif terjejas teruk susulan penutupan penuh operasi disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/838970/pkpd-industri-automotif-negara-terjejas-teruk-maa

		<p>Diperketat (PKPD) di beberapa daerah di Selangor dan Kuala Lumpur.</p> <p>Persatuan Automotif Malaysia (MAA) berpandangan pendekatan pelaksanaan PKPD, serta Fasa 1 dan 2 PPN perlu dikaji dan dipertimbang semula di negeri penyumbang ekonomi utama seperti Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Johor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.</p> <p>Syarikat automotif kehilangan pendapatan, keuntungan, pasaran eksport dan penutupan perniagaan. Dalam pada itu pekerja juga berdepan masalah lain seperti pemotongan gaji, dan kehilangan pendapatan terutama bagi kakitangan jualan, bahkan mungkin pemberhentian kerja.</p> <p>MAA merayu kepada kerajaan untuk memberi kebenaran sektor automotif untuk bengkel dan pusat pengedaran kenderaan serta alat ganti kenderaan penumpang dan komersial beroperasi pada kadar segera walaupun dalam kapasiti tertentu dan Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat di bawah PKPD, Fasa 1 dan 2 PPN di Selangor dan Kuala Lumpur, negeri yang menyumbang hampir 50 peratus kepada jumlah keseluruhan industri (TIV) Malaysia setahun.</p>	
2.	Berita Harian 14 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	E-dagang bantu perniagaan bertahan E-dagang membantu perniagaan untuk bertahan semasa pandemik COVID-19 dan platform itu	https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2021/07/83943/e-dagang-bantu-perniagaan-bertahan

		<p>menawarkan potensi yang besar kepada mereka untuk berjaya pada masa depan, menurut syarikat teknologi Google.</p> <p>Menurut Pengurus Hal Ehwal Kerajaan dan Dasar Awamnya, terdapat banyak peluang untuk perniagaan Malaysia terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS), untuk memanfaatkan e-dagang bagi meningkatkan eksport.</p>	
3.	Berita Harian 14 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>MATRADE bantu 13,000 syarikat perkukuh eksport</p> <p>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) merancang untuk melibatkan lebih 13,000 syarikat Malaysia melalui program pembangunan pengeksport dan menggalakkan eksport pada tahun ini.</p> <p>Program ini memberi tumpuan kepada mewujudkan lebih ramai juara eksport dalam sektor bernilai tinggi, penggunaan platform digital, keterangkuman, memanfaatkan trend pasaran semasa dan menggalakkan kerjasama strategik.</p> <p>Antara strategi yang dilaksanakan ialah pertemuan perniagaan kepada perniagaan (B2B) dalam talian, yang lazimnya dikenali sebagai eBizMatch. Pada 2020, MATRADE menjalankan sebanyak 1,365 sesi eBizmatch</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/839304/matrade-bantu-13000-syarikat-perkukuh-eksport

		untuk 1,115 syarikat Malaysia dan 703 pembeli asing di seluruh dunia.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Keseluruhan rantaian bekalan dalam sektor automotif terjejas susulan penutupan penuh operasi disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di beberapa daerah di Selangor dan Kuala Lumpur. Menurut Persatuan Automotif Malaysia (MAA) pelaksanaan PKPD, serta Fasa 1 dan 2 PPN perlu dikaji dan dipertimbang semula di negeri penyumbang ekonomi utama seperti Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Johor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.
2. E-dagang membantu perniagaan untuk bertahan semasa pandemik COVID-19 melalui platform teknologi Google. Terdapat peluang perniagaan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang memanfaatkan e-dagang bagi meningkatkan eksport industri PKS. Google komited untuk memastikan setiap perniagaan di Malaysia mempunyai sokongan dan instrumen yang diperlukan antaranya menyediakan alat digital Google yang mudah dan percuma.
3. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) merancang untuk melibatkan lebih 13,000 syarikat Malaysia melalui program pembangunan pengeksport dan menggalakkan eksport pada tahun ini. Antara strategi yang dilaksanakan ialah pertemuan perniagaan kepada perniagaan (B2B) dalam talian, yang lazimnya dikenali sebagai eBizMatch. Pada 2020, MATRADE menjalankan sebanyak 1,365 sesi eBizmatch untuk 1,115 syarikat Malaysia dan 703 pembeli asing di seluruh dunia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di negeri Selangor dan Kuala Lumpur secara tidak langsung memberi kesan kepada rantaian bekalan dalam sektor automotif negara. Keadaan yang berpanjangan akan menjelaskan sektor rantaian terutamanya Pembuatan kenderaan bermotor dan industri berkaitan. Berdasarkan prestasi KDNK S12021, subsektor Pembuatan Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak -28.1 peratus berbanding 23.3 peratus pada suku tahun sebelumnya.
2. MATRADE memanfaatkan teknologi dengan meluas bagi menggalakkan eksport barang tempatan ke pasaran antarabangsa sebagai alternatif kepada aktiviti perniagaan konvensional. Antara inisiatif adalah melalui platform digital eBizmatch yang membolehkan pertemuan perniagaan secara atas talian.

<p>Di samping itu, program ini dijangka akan memberi peluang kepada perniaga memperluaskan pasaran dan menggalakkan kerjasama strategik bagi menghadapi cabaran dalam tempoh pemulihan pasca COVID-19 seterusnya dapat memperkuuhkan ekonomi negara.</p>			
G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	FreightWaves 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>COVID-19 lockdowns in Malaysia threaten medical glove supply</p> <p>Glove manufacturers in Malaysia are warning that recent COVID-19 lockdowns could disrupt the global supply of rubber gloves. A new COVID-19 outbreak is forcing Top Glove and Hartalega Holdings, another major Malaysian glove maker, to stop operations.</p> <p>“Global customers of our manufacturers have been calling with great concern on the shortage of production and delivery of gloves to them,” Supramaniam Shanmugam, president of the Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association, said.</p>	https://www.freightwaves.com/news/covid-19-lockdowns-in-malaysia-threaten-medical-glove-supply
2.	The Star 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Gas price hike to have little impact on glove sector</p> <p>Gas Malaysia Bhd’s gas price hike for the third quarter period of this year is expected to have minimal impact on the price of rubber gloves.</p> <p>With natural gas accounting for about 10% of glove manufacturing cost, TA Securities in a report</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/13/gas-price-hike-to-have-little-impact-on-glove-sector

		yesterday said the impact would be insignificant.	
3.	Sinar Harian 13 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Prihatin Kasih: Lebih 110,000 penerima bantuan JKM layak</p> <p>Program PRIHATIN Kasih yang melibatkan peruntukan sebanyak RM100 juta akan memberikan manfaat kepada 110,000 penerima bantuan JKM yang layak. Senarai mereka yang layak ini diperolehi hasil dari pangkalan data JKM dan e-kasih yang telah disemak semula berdasarkan kepada data Bantuan Prihatin Rakyat (BPR). Program ini merupakan program bantuan barang dapur yang akan disalurkan secara tanpa tunai melalui penggunaan MyKad. Ianya melibatkan bantuan sebanyak RM100 bagi tempoh 3 bulan.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/149852/BERITA/Nasional/Prihatin-Kasih-Lebih-110000-penerima-bantuan-JKM-layak
4.	Harian Metro 14 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)	<p>Harga durian di Terengganu dijangka turun RM3 sekilogram</p> <p>Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri menjangka harga durian di negeri ini menurun sehingga RM3 sekilogram bermula awal Ogos ini. Penurunan harga itu berikutan bekalan durian yang dijangka terlalu banyak susulan banyak kebun mengeluarkan hasil.</p> <p>Pengarah FAMA negeri, Che Ghani Che Wan berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 7,080 tan durian akan dihasilkan</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/730421/harga-durian-di-terengganu-dijangka-turun-rm3-sekilogram

		di negeri ini hingga September tahun ini.	
5.	Kosmo! 14 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	RON97 naik tiga sen, RON95, diesel kekal Harga runcit petrol RON97 naik lagi tiga sen kepada RM2.73 seliter manakala harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter dan harga diesel kekal pada paras RM2.15 seliter bagi tempoh dua minggu bermula tengah malam ini hingga 28 Julai depan.	https://www.kosmo.com.my/2021/07/14/ron97-naik-tiga-sen-ron95-diesel-kekal/
6.	Metro Online 14 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	Kain kafan jadi bendera putih Orang Asli kesusahan Seramai 23 keluarga Orang Asli Desa Kemandul di Jenjarom menerima bantuan bekalan makanan daripada sukarelawan Pertubuhan Peduli Ummah selepas bertindak mengibarkan bendera putih yang dipercayai lebihan kain kafan untuk memohon bantuan. Menurut sumber, mereka tidak tahu hendak meminta pertolongan daripada mana-mana pihak selepas Tok Batin dirawat di hospital akibat jangkitan COVID-19. Maklumat lanjut yang diperolehi, penduduk Orang Asli di kawasan tersebut telah pun menerima bantuan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli dan pemimpin tempatan sejurus selepas insiden ini.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/730249/kain-kafan-jadi-bendera-putih-orang-asli-kesusahan

7.	Sinar Harian 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Jejak Prihatin kenal pasti 15,000 keluarga miskin di KL, Putrajaya Hasil gerakan 4,000 sukarelawan Wilayah Prihatin, Kementerian Wilayah Persekutuan berjaya menjak 15,000 individu termasuk 3,853 keluarga miskin di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi memberi sumbangan. Sukarelawan yang digerakkan ini juga bertanggungjawabkan mencari golongan miskin tegar, miskin bandar dan mereka yang memerlukan bantuan termasuk dari pelbagai aspek seperti kesihatan mental, kerohanian dan juga memastikan mereka tidak ketinggalan dalam menerima vaksin.	https://www.sinarharian.com.my/article/150028/BERITA/Nasional/Jejak-Prihatin-kenal-pasti-15000-keluarga-miskin-di-KL-Putrajaya
8.	Sinar Harian 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Purata peneroka dapat pelupusan hutang RM80,000 hingga RM100,000 Kos tanam semula dan pinjaman sara hidup merupakan faktor yang menyebabkan hutang yang tinggi dalam kalangan peneroka. Namun begitu, peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) akan menerima manfaat daripada hasil pengurangan purata hutang yang diperkenalkan kerajaan yang berjumlah RM80,000 hingga RM100,000. Terdahulu peneroka perlu membayar sekitar RM800 hingga RM1,000 sebulan. Namun begitu amaun akan berkurangan setelah pelupusan hutang ini diluluskan.	https://www.sinarharian.com.my/article/150004/BERITA/Nasional/Purata-peneroka-dapat-pelupusan-hutang-RM80000-hingga-RM100000

9.	The Sun Daily 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	MAFI Prihatin: Terengganu FAMA distributes food items to frontliners at 5 locations Frontliners are among the ones who are facing this pandemic hard. With not enough time to rest and not enough energy to go through the day. The state government are taking initiatives in distributing food in a form of fruits and vegetable to frontliners in five PPV locations. A weight of 420 kilogrammes of fruit and vegetables are distributed by stages since June 22 and 110 frontliners will be receiving their food items today.	https://www.thesunday.my/local/mafi-prihatin-terengganu-fama-distributes-food-items-to-frontliners-at-5-locations-DC8062432
10.	New Straits Times 15 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	A lifeline for micro SMEs The government has announced an additional aid assistance for micro-entrepreneurs who are badly affected with no cashflow because businesses are unable to operate during the Movement Control Order (MCO). The cash assistance and microcredit financing scheme which build under the Pemulih programme can help in maintaining business operation with low rate interest loan. Some non-essential sectors and services might be facing business closure as sales are dropping and hard to manage cashflow when they still have to pay other expenses. Most of the entrepreneurs are from the B40 group who have not enough savings to go through the day if this restriction continues.	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/708424/lifeline-micro-smes

11.	Berita Harian 15 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	'Kedahcare' bantu rakyat terjejas Kerajaan negeri Kedah akan memperkenalkan aplikasi dikenali sebagai 'Kedahcare' bagi memudahkan penduduk terjejas memohon bantuan makanan dan keperluan asas. Aplikasi ini akan menyediakan beberapa pilihan kepada penduduk di seluruh negeri memaklumkan keperluan mendesak mereka kepada agensi berkaitan. Aplikasi ini akan membantu menyelaraskan bantuan kepada pihak yang membuat aduan secara segera.	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/07/839607/kedahcare-bantu-rakyat-terjejas
-----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Terdapat kebimbangan terhadap pengeluaran sarung tangan perubatan disebabkan penularan wabak COVID-19 yang mengakibatkan penutupan operasi Top Glove dan Hartalega Holdings.
2. Peningkatan harga gas asli di Malaysia tidak memberi impak besar kepada pembuatan sarung tangan kerana gas asli hanya meliputi 10 peratus daripada kos pembuatan sarung tangan.
3. 110,000 penerima JKM layak menerima bantuan tanpa tunai di bawah program Prihatin Kasih yang akan memberi manfaat barang dapur bernilai RM100 bagi tempoh 3 bulan.
4. FAMA negeri Terengganu menjangka harga durian akan turun sehingga RM3 sekilogram bermula awal Ogos kerana dijangka semua dusun dan kebun durian di negeri ini akan mengeluarkan hasil serentak. FAMA menyasarkan sebanyak 7,080 tan durian akan dihasilkan di negeri ini hingga September tahun ini. Penurunan harga durian itu berikutan bekalan durian yang dijangka terlalu banyak susulan banyak kebun mengeluarkan hasil. Harga durian agak mahal ketika ini kerana diambil dari luar Terengganu seperti di Johor.
5. Harga runcit petrol RON97 naik lagi tiga sen kepada RM2.73 seliter berbanding RM2.70 sebelum ini bagi tempoh dua minggu bermula tengah malam ini hingga 28 Julai depan. Harga runcit petrol RON95 pula kekal

pada paras RM2.05 seliter manakala harga diesel kekal pada paras RM2.15 seliter. Kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global.

6. 23 keluarga penduduk Orang Asli di Desa Kemandul, Jenjarom menerima bantuan makanan selepas bertindak mengibarkan bendera putih dipercayai lebihan kain kafan.
7. Seramai 15,000 keluarga termasuk 3,853 keluarga miskin berjaya dikesan dalam gerakan yang dijalankan sukarelawan Wilayah Prihatin di kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
8. Peneroka Felda akan menerima manfaat pengurangan bayar bulanan daripada pelupusan hutang berjumlah RM8.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri pada 7 Julai 2021.
9. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil inisiatif untuk menyumbang makanan berbentuk buah-buahan dan sayur-sayuran kepada barisan hadapan yang bertugas di lima lokasi hospital dan pusat vaksinasi di Terengganu.
10. Peniaga-peniaga kecil bakal menghadapi krisis penutupan perniagaan jika perniagaan masih tidak boleh beroperasi kerana menghadapi bebanan kewangan.
11. Aplikasi ‘Kedahcare’ diperkenalkan untuk memudahkan rakyat Kedah yang terdesak memohon bantuan segera daripada kerajaan negeri.

Maklumbalas Bahagian:

1. Persatuan Pengekstrak Pelarut India (SEA) yang mewakili syarikat penapis dan peniaga minyak sayuran, menjangkakan peningkatan import sawit ditapis pada bulan akan datang. Ini secara tidak langsung memberi impak kepada Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan bagi minyak sawit ditapis. Peningkatan pengeluaran ini dijangka akan mengurangkan kenaikan harga runcit minyak masak dan meredakan inflasi bagi item Minyak masak yang meningkat 10.4 peratus pada Jun 2021.
2. Penutupan operasi syarikat-syarikat pengeluar sarung tangan perubatan akan menjaskan pengeluaran bagi produk ini yang seterusnya boleh mengakibatkan kenaikan harga disebabkan kekurangan stok, yang seterusnya boleh memberikan impak langsung terhadap indeks tahun ke

tahun IHPR bagi pembuatan sarung tangan getah yang telah meningkat 23.9 peratus pada Mei 2021 berbanding 1.5 peratus April 2021.

3. Peningkatan harga gas asli pada suku tahun ketiga hanya memberi impak yang minima kepada pembuatan sarung tangan iaitu 10 peratus daripada kos pembuatan produk tersebut. Industri pembuatan sarung tangan meliputi wajaran tertinggi yang memberi impak besar kepada prestasi keseluruhan IHPR.
4. Lambakan hasil durian ini menyebabkan harga durian di kebun menurun daripada RM6 sekilogram kepada RM3 sekilogram. Indeks IHPR pada Mei 2021 bagi penanaman durian mencatatkan penurunan dua digit iaitu negatif 26.6 peratus berbanding negatif 6.8 peratus pada April 2021. Ianya juga akan meredakan inflasi bagi item Durian.
5. Kenaikan harga RON97 akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Pengangkutan terutamanya bagi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian disebabkan oleh kesan daripada indeks asas yang rendah dari tahun sebelumnya. Pada Jun 2021, inflasi subkumpulan ini meningkat kepada 20.6 peratus dengan purata harga RON 97 pada Jun 2021 adalah RM 2.65 berbanding RM1.84 pada Jun 2020. Manakala purata harga RON 95 dan Diesel masing-masing mencatatkan RM2.05 (Jun 2020: RM1.54) dan RM2.15 (Jun 2020: RM1.71).
6. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES yang akan datang.
7. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambahbaik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Penerbitan khas anggaran pendapatan tahun 2020 dijangka akan diterbitkan pada minggu keempat Julai 2021.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 13 Julai 2021 (Non-essential)	Sebanyak 15 daripada 125 kematian meninggal di rumah Angka harian kematian COVID-19 yang dicatatkan semalam kekal	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/sebanyak-15-dari-125-kematian-di-rumah.html

		tiga digit dengan 125 kes termasuk 17 warga asing, menjadikan jumlah kes kematian terkini sebanyak 6,385 kes.	<u>meninggal-di-rumah/</u>
2.	Sinar Harian 15 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)	2.3 juta penduduk Selangor terima vaksin Penduduk Selangor menjadi penerima dos vaksin COVID-19 terbanyak dengan sejumlah 2.3 juta dos sudah diberikan menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/839615/23-juta-penduduk-selangor-terima-vaksin

Penemuan penting & isu:

1. Kesemua kes kematian tersebut berusia antara 21 hingga 94 tahun manakala, terdapat 15 kes disahkan meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID). Enam daripada kes BID tidak dinyatakan sejarah penyakit dan mereka terdiri daripada lima lelaki dan seorang wanita berusia antara 37 hingga 60 tahun. Kesemua lelaki tersebut adalah warga asing. Bagi kes BID lain pula, antara latar belakang penyakit seperti paru-paru kronik, kencing manis, darah tinggi, strok dan dislipidemia. Kesemua kes kematian COVID-19 yang dilaporkan semalam melibatkan seramai 67 lelaki dan 58 wanita. Ia merangkumi 57 kes di Selangor, 20 kes di Kuala Lumpur, 13 kes di Negeri Sembilan, sembilan kes di Melaka, masing masing tujuh kes di Kedah dan Johor, tiga kes di Pahang, masing-masing dua kes di Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak serta satu kes di Kelantan. Nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.14 dengan negeri mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Putrajaya (nilai RT 1.32). Negeri-negeri lain yang mencatatkan RT melebihi 1.0 adalah Terengganu (nilai RT 1.25), Selangor (nilai RT 1.18), Kedah (nilai RT 1.17), Pahang (nilai RT 1.17), Kuala Lumpur (nilai RT 1.13), Melaka (nilai RT 1.12), Pulau Pinang (nilai RT 1.09), Sabah (nilai RT 1.07), Johor (nilai RT 1.04) dan Negeri Sembilan (nilai RT 1.03).
2. Sebanyak 12.02 peratus rakyat negeri ini sudah lengkap dua dos suntikan. Program Vaksin Selangor (SelVAX) pula mencatat pemberian sebanyak 57,339 dos sehingga semalam. Kadar vaksinasi harian semalam mencecah 114,416 dos, tidak termasuk dengan Program SelVAX yang sedang giat diperluaskan dan sudah mencecah pemberian hampir 58,000 dos. Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan pemberian vaksin sebagai salah satu langkah utama untuk kita menewaskan wabak COVID-19. Sebelum ini, kerajaan negeri melancarkan SelVAX sebagai usaha bagi mempercepatkan proses vaksinasi rakyat dengan mengenal pasti kumpulan sasaran (SelVAX Komuniti) serta memelihara pekerja

(SelVAX Industri). SelVAX Komuniti akan memberi manfaat kepada 250,000 warga Selangor yang belum divaksin, manakala SelVAX Industri adalah program berbayar yang terbuka kepada syarikat secara sukarela dengan sasaran satu juta pekerja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
 - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan
 - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.
2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) Warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) Bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 13 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	Talian hayat Tadika, Taska Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bagi memutuskan penularan COVID-19 turut memberi kesan terhadap operasi taman asuhan kanak-kanak (Taska) dan taman didikan kanak-kanak (Tadika). Bagi membantu kelangsungan operasinya, kerajaan mengumumkan bantuan khas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/729922/talian-hayan-tadika-taska

		<p>berjumlah RM3,000 secara one-off menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).</p> <p>Menerusi PEMULIH, 4,400 pengusaha Taska di bawah seliaan kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menerima Bantuan Khas Taska berkenaan. Bantuan itu turut membabitkan 8,000 pengusaha Tadika swasta seliaan Kementerian Pendidikan.</p>	
2.	Berita Harian 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>KKM mohon peruntukan tambahan, dapat tingkat semangat kakitangan</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon peruntukan tambahan kepada kerajaan bagi melaksanakan beberapa projek untuk meningkatkan semangat kakitangan mereka terutama ketika musim pandemik sekarang. Antara perkara yang akan diberi perhatian dan dimajukan kepada Jabatan Perbendaharaan Negara adalah penubuhan TASKA dan pusat kuarantin khas kepada kumpulan barisan hadapan.</p> <p>Perdana Menteri sebelum ini telah mengumumkan pemberian elauan khas COVID-19 kepada kakitangan kesihatan yang bertugas di Unit Rawatan Rapi (ICU) supaya</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/839110/kkm-mohn-peruntukan-tambahan-dapat-tingkat-semangat-kakitangan

		<p>mereka sentiasa memberi perkhidmatan terbaik.</p>	
3.	Kosmo 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>5,000 petugas ditambah di Lembah Klang, N. Sembilan</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) akan menambah kira-kira 5,000 petugas atau sukarelawan untuk menyokong penyampaian perkhidmatan menangani pandemik COVID-19 di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.</p> <p>Selain petugas tetap dan kontrak yang telah ditempatkan di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, KKM telah menambah segera 1,190 petugas kesihatan di tiga negeri itu.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/07/13/5000-petugas-ditambah-di-lembah-klang-negeri-sembilan/
4.	Berita Harian 14 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Peniaga kecil minta dibenarkan berniaga</p> <p>Peniaga kecil di seluruh negara akan terjejas lebih teruk jika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilanjutkan lagi.</p> <p>Perniagaan kecil amat terjejas dan sebahagian daripada mereka menggulung tukar dan jika PKP diteruskan untuk tempoh dua minggu atau sebulan lagi, kemungkinan semua peniaga akan mengangkat 'bendera putih' meminta bantuan untuk hidup.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/839343/peniaga-kecil-minta-dibenarkan-berniaga

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan mengumumkan bantuan khas berjumlah RM3,000 secara *one-off* menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) kepada 4,400 pengusaha Taska seliaan KPWKM dan 8,000 pengusaha Tadika swasta seliaan KPM.
2. Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon peruntukan tambahan kepada kerajaan bagi melaksanakan beberapa projek iaitu penubuhan TASKA dan pusat kuarantin khas kepada kumpulan barisan hadapan.
3. Peniaga kecil sepatutnya dibenarkan beroperasi dengan SOP yang ketat sekiranya mereka berada di kawasan bukan risiko COVID-19. Kerajaan diminta menimbang langkah yang perlu seperti memberikan eluan sara diri sekurang-kurangnya RM500 kepada peniaga sekiranya PKP dilanjutkan.
4. Kira-kira 5,000 petugas akan ditambah bagi menyokong penyampaian perkhidmatan menangani pandemik COVID-19 di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan khas yang diumumkan oleh kerajaan melalui Pakej PEMULIH sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban pengusaha taska dan tadika yang terkesan semasa pandemik ini. Berdasarkan Laporan Statistik Kanak-Kanak 2020, bilangan taska dan tadika yang berdaftar di Malaysia adalah masing-masing sebanyak 4,933 buah dan 11,022 buah.
2. Langkah KKM memohon peruntukan tambahan untuk melaksanakan beberapa projek yang memberi manfaat kepada petugas kesihatan dapat meningkatkan semangat petugas kesihatan terutamanya semasa pandemik. Berdasarkan Laporan Buletin Perangkaan Sosial 2020, bilangan doktor dan jururawat di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 67,586 orang dan 131,258 orang.
3. Penambahan petugas kesihatan di kawasan Lembah Klang dan Negeri Sembilan sedikit sebanyak membantu negeri-negeri tersebut dalam mengekang penularan COVID-19. Berdasarkan Buletin Perangkaan Sosial 2020, bilangan doktor dan jururawat di Lembah Klang dan Negeri Sembilan adalah 29,078 orang dan 45,614 orang.
4. Peniaga kecil merupakan golongan paling terkesan akibat pelaksanaan PKP dan berkemungkinan sebahagian besar daripada mereka terpaksa gulung tikar sekiranya masih tidak dibenarkan beroperasi. Merujuk kepada

<p>Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal di Malaysia adalah sebanyak 1.26 juta orang.</p>			
J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Malay mail 12 Julai 2020 <i>(Non-essential)</i>	<p>Clean water supply at risk as COVID-19 SOPs cause limestone supply chain disruption</p> <p>The Chemical Industries Council of Malaysia (CICM) today called on the government to let limestone quarries resume operations immediately as supply disruption could put clean water supply at risk. Supply of raw materials for the lime industry is currently allowed but only from existing stockpiles from the quarry that are fast depleting.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/12/clean-water-supply-at-risk-as-covid-19-sops-cause-limestone-supply-chain-di/1989212
2.	The Star Online 12 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Updated SOPs for agriculture sector in Sabah, fishing activity ruling relaxed</p> <p>Sabah government has issued updated standard operating procedures (SOPs) for the agriculture sector effective Monday (July 12), which include a relaxed ruling for fishing activities.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/07/12/updated-sops-for-agriculture-sector-in-sabah-fishing-activity-ruling-relaxed
3.	Utusan Online 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Keluhan pengusaha madu tiada sambutan</p> <p>Sejak pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kebanyakan penjual madu lebah mengeluh kerana manisan itu tidak dapat dihantar ke pasaran.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/149517/

4.	Berita Harian Online 13 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Tanam sayur tampung perbelanjaan <p>Pengusaha tapak perkhemahan di Pulau Redang, dekat sini, terpaksa beralih ke bidang pertanian bagi menampung perbelanjaan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) biarpun tidak kemahiran dalam bidang berkenaan.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/838898/tanam-sayur-tampung-perbelanjaan
5.	Berita Harian Online 14 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Agropelancongan baharu di Mualim <p>Semakin ramai individu di negara ini menanam buah anggur yang sinonim di negara beriklim sejuk dan buah tin atau nama saintifiknya Ficus Carica pula, biasanya banyak ditanam di kawasan Asia Barat.</p> <p>Malah, ada antara individu menukar kerjaya sebagai petani menanam anggur dan buah tin demi kelangsungan hidup yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2021/07/839272/agropelancongan-baharu-di-mualim

Penemuan penting & isu:

1. *The CICM has highlighted that limestone quarries should be allowed to fully operate immediately so that they can continue to produce materials such as calcium hydroxide and calcium oxide. The lime industry supplies raw materials crucial for the production of Malaysia's clean drinking water and wastewater treatment services. The general SOPs for Phases One and Two of the National Recovery Plan (NRP) have been published by the National Security Council (NSC) recently, with the nod being given to quarry activities. But the SOPs have been subjected to specific protocols for the Mining and Quarrying Sectors issued by the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA). The disruption could put many workers out of work. CICM does not wish to witness a major supply*

chain disruption which puts supply of clean drinking water to the public, in particular, at risk and causes the disruption of operations of essential industries and services.

2. *For fishermen registered with the Sabah Fisheries Department in Eszone areas, they are allowed to operate from 6am to 3pm at permitted jetties and based on the approval permits issued by the respective district police chiefs. Under the agriculture sector, the updated guidelines also included plantation, farming, agro-based industry and related businesses like agriculture hardware suppliers and workshops, where the workers' capacity is not exceeding 80 per cent.*
3. Sejak penguatkuasaan PKP awal tahun ini malah sebelum ini pun, pengusaha madu lebah tidak mampu membawa keluar madu lebah tualang untuk dijual di bandar Jerantut atau luar daerah ekoran larangan rentas daerah dan jarak kampung ini agak jauh ke bandar. Kebiasaannya berhasil menemukan antara dua hingga tiga sarang lebah di sebatang pokok tualang dan memperoleh manisan dalam anggaran seberat kira-kira 30 kilogram. Kemudian, memproses manisan ini dengan cermat untuk diisi ke dalam botol dan dijual dengan harga RM100 seberat 450 gram.
4. Penggunaan kaedah tanaman fertigasi dalam penjagaan tanaman tidak cerewet dan hasil tanaman pun subur. Semua hasil tanaman dijual kepada pekerja resort di Pantai Pasir Panjang dan hasil jualan dapatlah menampung perbelanjaan sementara menunggu sektor pelancongan dibuka semula. Kini dalam proses percubaan menanam sawi dan kangkung menggunakan kaedah aquaponik menggunakan air daripada kolam ikan. Tanaman ditanam dalam kolam ikan dan secara tidak langsung tanaman berkenaan boleh dijadikan makanan ikan sekaligus dapat mengurangkan kos pembelian makanan ikan.
5. Bidang pertanian telah digabungkan menerusi tanaman pokok tin dan anggur. Bermodalkan RM150,000 dengan mempunyai dua rumah pelindung hujan (RPH) dan menggunakan kaedah fertigasi. Sebanyak 140 pokok tin bermutu tinggi berjaya ditanam. Kini mula mengeluarkan hasil walaupun baru empat bulan mengusahakan tanaman itu. Selain itu, 72 pokok anggur jenis Lorano, Faith, Dixon, Jupiter, Baikunor, Catalonia dan pelbagai jenis lagi pula sedang dalam proses pengembangan dahan serta menunggu masa mengeluarkan hasil. Setiap cabang pokok yang matang mengeluarkan 30 biji buah tin dan setiap 15 biji seberat satu kilogram. Dijual dengan harga RM60 sekilogram. Pokok anggur berasal dari Ukraine memerlukan cuaca sejuk. Namun, ramai yang tidak mengetahui, sebenarnya ketika musim sejuk tumbesaran pokok anggur tidak berlaku. Pohon ini hanya berbunga dan mengeluarkan buah ketika musim panas, maknanya pokok ini juga boleh hidup subur di negara ini, tetapi perlu ditanam di dalam RPH bagi mengelak tanaman rosak.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri kapur menghasilkan bahan mentah kalsium hidroksida dan kalsium oksida yang sangat penting untuk pengeluaran air minuman bersih dan perkhidmatan rawatan air sisa. Berdasarkan maklumat daripada Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) 2020, volum pengeluaran air yang dibekalkan pada 2019 ialah 17,763 juta liter sehari (JLH) dengan peratus penduduk mendapat akses bekalan air paip yang dirawat adalah 95.8 peratus. Penduduk bandar dan luar bandar yang mendapat akses bekalan air paip yang dirawat masing-masing merekodkan 97.3 peratus dan 94.3 peratus.
2. Berdasarkan Perangkaan Perikanan 2019, Sabah merekodkan jumlah pendaratan ikan sebanyak 179,718 tan metrik dengan penglibatan seramai 30,798 nelayan dan sebanyak 174,502 unit vessel yang didaftarkan. Statistik pengeluaran dan penggunaan agromakanan terpilih bagi item perikanan merupakan antara item yang akan diliputi dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih secara tahunan. Bahagian dari masa ke semasa memantau dan melihat perkembangan kepada pengeluaran dan permintaan sumber makanan utama ini dengan kerjasama daripada Jabatan Perikanan Malaysia.
3. Merujuk dapatan Banci Ekonomi 2016, sebanyak 15 pertubuhan terlibat dalam aktiviti penternakan lebah dan pengeluaran hasil madu dan lilin lebah (MSIC:01495) yang menyumbang output sebanyak RM4.55 juta. Prestasi aktiviti ekonomi ini akan terus dipantau dalam pelaksanaan Banci Ekonomi yang akan datang.
4. Kaedah penanaman dengan menggunakan teknik fertigasi dan aquaponik merupakan satu teknik yang semakin berkembang pesat. Melalui Belanjawan 2021, Kerajaan telah mengumumkan Program Kebun Komuniti kepada komuniti separa bandar dan luar bandar dengan peruntukan berjumlah RM30 juta. Program ini menyediakan peralatan seperti kit fertigasi dan media tanaman bernilai sehingga RM500 untuk setiap individu atau RM50,000 bagi setiap komuniti yang bakal memanfaatkan 60,000 peserta.

K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 15 Julai 2021 (Non-essential)	GKP 4.0 is open for new applications from July 15 — Tengku Zafrul Registration for new Prihatin Special Grant (GKP) 4.0	https://www.theedgemarkets.com/article/gkp-40-open-new-applications-july-15-

		<p>applications is open online from today until July 31. Micro small and medium enterprises (SMEs) that did not get the approval previously will still have an opportunity to submit applications for verification again. Current GKP recipients do not have to reapply.</p> <p>Payments under the RM1 billion GKP 4.0 allocation will be made in September (RM500) and November (RM500) this year for both current GKP recipients and approved new applicants. Total allocation of RM6.1 billion has been or will be channelled under GKP to almost one million micro SMEs.</p>	<u>%E2%80%94-tengku-zafrul</u>
2.	The Edge Market 15 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Loading, unloading non-essential cargo allowed in EMCO areas for limited number of days, says Wee</p> <p>All handling, receiving, loading and unloading activities of imported non-essential goods and cargo for export and import purposes in areas under the Enhanced Movement Control Order (EMCO) are allowed from today to July 17. This is to reduce congestion at certain ports, which had reached as high as 80% of their capacities.</p>	<u>https://www.theedgemarkets.com/article/loading-unloading-nonessential-cargo-allowed-emco-areas-limited-number-days-says-wee</u>
3.	The Edge Market 13 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Customised policies needed to support sectors, regions worse hit by COVID-19 and lockdowns, says Abdul Wahid</p>	<u>https://www.theedgemarkets.com/article/customised-policies-needed-support-sectors-regions-worse-hit</u>

		<p>There is a need for further customisation of policies to support sectors and economic regions that are more affected by the COVID-19 pandemic than others. This is as the pandemic has had an asymmetrical impact on different sectors in different regions.</p> <p>The F&B sector experienced higher closure rates particularly in the northern states where vendors rely on tourists from the Klang Valley. Other manufacturing sectors have experienced particularly high closure rates in East Malaysia.</p>	<u>covid19-and-lockdowns-says</u>
4.	Bernama 13 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	DHL lancar hab Applied analytics di Johor Syarikat logistik global DHL dengan kerjasama Iskandar Investment Bhd (IIB) telah menujuhkan hab DHL applied analytics (DAA) yang pertama di Malaysia. DHL akan menempatkan saintis data berpengalaman di hab berkenaan untuk membantu melatih dan membangunkan bakat tempatan daripada Universiti Teknologi Malaysia serta memberi penyelesaian analisis data untuk pelanggan mereka.	<u>https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1982025</u>
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> Tempoh pendaftaran permohonan baharu Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0 dibuka mulai 15 Julai sehingga 31 Julai. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Mikro yang berstatus tidak lulus dan belum menerima GKP masih boleh mengemukakan permohonan bagi tujuan pengesahan semula. 			

Bayaran melibatkan peruntukan RM1 bilion akan dibuat pada September (RM500) dan November (RM500).

2. Semua aktiviti pengendalian, penerimaan dan pemunggahan barang import *non-essential* bagi tujuan import dan eksport di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) diberikan kebenaran khas beropeasi selama dua hari mulai 15 Julai sehingga 17 Julai. Ini berikutan bagi mengurangkan kesesakan di sesetengah pelabuhan yang telah mencapai kapasiti 80 peratus.
3. Terdapat keperluan pelaksanaan penyesuaian polisi bagi menyokong sektor dan wilayah ekonomi yang terjejas berikutan pandemik COVID-19. Hal ini disebabkan pandemik memberi impak berbeza bergantung kepada sektor dan kawasan. Aktiviti makanan dan minuman mengalami kadar penutupan yang tinggi di wilayah utara sementara aktiviti pembuatan lain mengalami kadar penutupan yang tinggi di wilayah timur.
4. Syarikat logistik global DHL dengan kerjasama Iskandar Investment Bhd (IIB) telah menubuhkan hab DHL *applied analytics* (DAA) yang pertama di Malaysia. Saintis data berpengalaman akan ditempatkan di hab berkenaan untuk membantu melatih dan membangunkan bakat tempatan daripada Universiti Teknologi Malaysia serta memberi penyelesaian analisis data untuk pelanggan mereka.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah 2020, bilangan penerima gaji dan upah meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 2.1 peratus pada 2020 kepada 9.4 juta orang (2019: 5.0%; 9.2 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan penurunan dua angka sebanyak 15.6 peratus daripada RM2,442 kepada RM2,062. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut menunjukkan penurunan daripada RM3,224 kepada RM2,933 (-9.0%).
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu
 - iii) Penganggur: 728.1 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:

- i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
- i) Jawatan: 8,437.5 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
 - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
6. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
 - iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
 - v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
 - vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)